



pertandingan
poster
kreatif
klik
dengan
bijak
DAKWAH DIGITAL

LATAR BELAKANG PERTANDINGAN

1. Hasil inisiatif dari kerjasama JAKIM & MCMC sebagai salah satu platform pelaksanaan advokasi ICT yang lebih menyeluruh.
2. Pertandingan rekabentuk poster advokasi ICT ini bertemakan isu keselamatan internet dengan suntikan elemen nilai-nilai murni agama Islam.
3. Tempoh pertandingan dirangka bermula pada 1 September hingga 30 November 2016.
4. Kaedah ini adalah salah satu langkah untuk memperkasakan masyarakat mengenai mesej-mesej advokasi dan mempelbagaikan platform dakwah.



MATLAMAT PENGANJURAN PERTANDINGAN

1. Mewujudkan platform dakwah digital yang kreatif dan mampu viral supaya dapat menghebahkan mesej-mesej program KDB dengan lebih pantas dan meluas.
2. Meningkatkan kemahiran dan literasi penggunaan ICT serta memberi kesedaran dan pendedahan tentang etika, tanggungjawab dan penggunaan internet yang positif berlandaskan nilai-nilai Islam.
3. Memperkasa dan menggalakkan penglibatan komuniti untuk menggunakan teknologi dan internet sejajar dengan nilai-nilai Islam, seterusnya melahirkan komuniti yang mempunyai tahap literasi teknologi yang baik yang menyumbang secara positif serta aktif dalam persekitaran digital.
4. Mempergiatkan pelaksanaan advokasi ICT yang memberi kesan jangka masa panjang dan berterusan menerusi platform digital MCMC dan JAKIM disamping mengaktifkan rangkaian media digital advokasi sebagai portal rujukan.



PENYERTAAN

CADANGAN TEMA PERTANDINGAN BERPANDUKAN ISU SEMASA

A. Sabar sebelum sebar (Perkongsian Maklumat Palsu)

- I. Semak sebelum sebar
- II. Tabayyun (periksa sumber sebelum sebar atau percaya)
- III. Fitnah
- IV. Tak semua yang viral atau di Internet itu betul

B. Mana adab (Penggunaan Berhemah)

- I. Buli siber
- II. Fitnah
- III. Membuat perkongsian mengenai orang lain tanpa izin dari tuan punya maklumat
- IV. Batas dalam beri komen
- V. Keyboard warrior
- VI. Maklumat palsu
- VII. Membuka aib seseorang
- VIII. Menyumbang kepada ke hancuran hidup seseorang



PENYERTAAN

CADANGAN TEMA PERTANDINGAN BERPANDUKAN ISU SEMASA

C. Syurga ekspres? (Extremism)

- I. Keganasan (Terrorism)
- II. Ajaran sesat
- III. Erti jihad yang sebenar dalam Islam

D. Permata hatiku (Pelindungan Kanak-Kanak Di Atas Talian)

- I. Keselamatan kanak-kanak di Internet
- II. Maruah kanak-kanak di Internet
- III. Oversharing maklumat anak-anak di Internet oleh ibu bapa
- IV. Keprihatinan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak di Internet

E. Antara pahala dan dosa (Perkongsian Maklumat)

- I. Satu klik menentukan kebahagiaan atau kehancuran
- II. Pilihan antara berkongsi kandungan yang berimpak positif atau negatif (negatif-fitnah, aib, bohong, gosip, penipuan. Positif- ilmu pengetahuan, info amaran keselamatan, tip-tip, kebajikan masyarakat)
- III. Perpaduan masyarakat Malaysia
- IV. Provokasi tentang isu-isu yang sensitif



PENYERTAAN

CADANGAN TEMA PERTANDINGAN BERPANDUKAN ISU SEMASA

F. Menjauhkan yang dekat (Ketagihan Internet)

- I. Nilai-nilai kekeluargaan
- II. Internet bukan segalanya
- III. Menghargai kehidupan di luar talian (bersatu dengan alam semulajadi, bermasyarakat)
- IV. Ketagihan Internet
- V. Be home and love your family
- VI. Tidak membiar internet mengganggu kesejahteraan keluarga (hubungan suami isteri, ibu bapa dengan anak-anak, anak-anak dengan ibu bapa)
- VII. Disconnect to connect
- VIII. Ketagihan Internet



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

A. KELAYAKAN

Penyertaan dibuka kepada semua dan dibahagikan kepada kategori-kategori berikut:

Kategori Umum

- (a) 18 tahun dan ke bawah
- (b) 19 tahun ke atas

Kategori Komuniti Pusat Internet 1Malaysia

- (c) Terbuka

Setiap penyertaan hanya layak dipertandingkan dalam satu kategori sahaja.

B. MEDIA

1. Peserta diberi kebebasan untuk menghasilkan karya digital mengikut kreativiti masing-masing berdasarkan jenis-jenis media berikut:
 - a. Infografi;
 - b. Typografi;
 - c. Fotografi; atau
 - d. Ilustrasi – Digital and lukisan tangan [lukisan tangan hendaklah diimbas (scan) untuk penyerahan].
2. Bahasa pengantara
 - a. Bahasa yang digunakan di dalam karya mestilah Bahasa Melayu di mana penggunaanya difahami oleh ahli masyarakat secara umum.
 - b. Penyertaan hasil karya yang menggunakan bahasa slanga (*slang*) atau ayat yang mempunyai makna tersembunyi (*double meaning*) akan disingkirkan secara automatik, mengikut budi bicara pihak penganjur.



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

C. ETIKA BERKARYA

1. Peserta harus memastikan hasil karya menghormati keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Panel juri berhak untuk menyingkir sesuatu hasil karya yang berunsur provokasi, politik, atau menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, agama dan fahaman.
2. Panel juri berhak untuk menyingkir sesuatu hasil karya yang didapati bersifat lucu, jelic atau tidak wajar.

D. PENYERTAAN

1. Karya yang dihasilkan untuk pertandingan ini hendaklah karya asli peserta dan tidak pernah diterbitkan. Ianya hendaklah berdasarkan tema yang telah ditentukan seperti berikut:

Tema 1: Sabar sebelum sebar (Perkongsian Maklumat Palsu)

Tema 2: Mana adab (Penggunaan Berhemah)

Tema 3: Syurga ekspres? (Extremism)

Tema 4: Permata hatiku (Pelindungan Kanak-Kanak Di Atas Talian)

Tema 5: Antara pahala dan dosa (Perkongsian Maklumat)

Tema 6: Menjauhkan yang dekat (Ketagihan Internet)



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

2. Penyertaan setiap peserta dihadkan kepada satu (1) hasil karya bagi setiap tema. Peserta boleh menghantar sebanyak enam (6) hasil karya bagi penyertaan iaitu satu bagi setiap tema, bagi keseluruhan pertandingan.
3. Hasil karya hendaklah dihantar kepada pihak penganjur bagi tujuan pertandingan ini dalam bentuk jpeg, dan dimuatnaik ke portal pertandingan iaitu di laman sesawang www.dakwahdigitalkdb.my
4. Sekiranya hasil karya yang dihantar dipilih sebagai pemenang, peserta yang berkenaan hendaklah menghantar fail hasil karya beresolusi tinggi kepada pihak penganjur. Kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan hasil karya tersebut tidak termasuk dalam aktiviti tertentu seperti publisiti.



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

5. Saiz dan dimensi hasil karya beresolusi tinggi (final artwork) adalah seperti berikut:
 - Size: 11" x 17" (28cm x 43cm) (A3)**
 - Resolusi: 150 dpi**
 - Orientasi: Potret**
 - Format: Jpeg**
 - Maksima File Upload: 1MB (1000kb)**
6. Fail digital hasil karya yang dihantar bagi tujuan pertandingan ini perlu dinamakan dengan nama penuh peserta, diikuti dengan kategori penyertaan, dan tema.
Contoh : **muhammad ahmad_umum_sabar sebelum sebar.**
7. Tarikh tutup penyerahan hasil karya untuk setiap tema adalah seperti berikut:

Tema 1: 15 Sep 2016	Tema 4: 30 Okt 2016
Tema 2: 30 Sep 2016	Tema 5: 14 Okt 2016
Tema 3: 15 Okt 2016	Tema 6: 29 Okt 2016
8. Dengan menghantar hasil karya untuk penyertaan pertandingan, peserta dianggap telah bersetuju dengan semua terma dan syarat pertandingan.



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

9. Apa-apa maklumat mengenai penyertaan setiap hasil karya haruslah dinyatakan di bahagian rasional dalam borang penyertaan yang boleh didapati di laman sesawang www.dakwahdigitalkdb.my. Sebarang huraian atau maklumat lanjut mengenai karya tersebut yang dihantar kepada pihak penganjur melalui emel atau apa-apa platform media tidak akan dilayan.
10. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang tiba lewat dari tarikh tutup.



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

E. PENGUMUMAN PEMENANG

1. Keputusan panel juri adalah muktamad.
2. Pemenang untuk setiap tema akan diumumkan pada tarikh seperti berikut:

Tema 1: 26 September 2016

Tema 4: 8 November 2016

Tema 2: 12 Oktober 2016

Tema 5: 22 November 2016

Tema 3: 25 Oktober 2016

Tema 6: 7 Disember 2016

3. Pihak penganjur berhak untuk meminda tarikh pengumuman pemenang atas sebab-sebab tertentu tanpa sebarang notis.



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

F. HAK MENGGUNA

1. Peserta berhak mengekalkan hak milik ke atas hasil karya yang dipertandingkan, namun peserta hendaklah bersetuju untuk memberi hak mutlak kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("SKMM") dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ("JAKIM"), dan kesemua entiti, subsidiari atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah SKMM atau JAKIM untuk mengguna, menghasilkan semula, menyunting, mempamer, menyiarkan, menjadikannya sebagai sumber, mengubahsuai, dan menerbit ke seluruh dunia dan untuk apa-apa tujuan, yang tidak boleh ditarik balik, berterusan, dan bebas dari sebarang royalti.
2. Peserta tidak dibenarkan untuk memperniaga hasil karya untuk apa-apa tujuan melainkan pemenang keseluruhan pertandingan telah diumumkan oleh pihak penganjur.
3. Setiap penyertaan yang diterima tidak akan dikembalikan dan hasil karya yang telah dihantar untuk penyertaan kepada pihak penganjur tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan yang lain.



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

G. PENAFIAN

1. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya peserta didapati melakukan kesalahan plagiat atau melanggar hakcipta mana-mana pihak ketiga.
2. Pihak penganjur mempunyai hak untuk menggugurkan penyertaan atau menarik balik hadiah yang telah dimenangi sekiranya didapati poster yang dihantar adalah tidak asli, diplagiat atau melanggar hakcipta mana-mana pihak ketiga.
3. Pihak penganjur juga boleh mengambil tindakan terhadap peserta bagi kesalahan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh peserta atas dakwaan hasil karya tiruan.
4. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas hasil karya yang dipertandingkan sekiranya hasil karya tersebut terlibat dalam apa-apa masalah perundangan.
5. Dengan penyerahan hasil karya kepada pihak penganjur, peserta mengakui dan membuat representasi bahawa setiap elemen di dalam hasil karya tersebut tidak melanggar hakcipta mana-mana pihak ketiga dan/atau apa-apa undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.
6. Dengan penyerahan hasil karya kepada pihak penganjur, peserta bersetuju membebaskan pihak penganjur dari apa-apa tindakan undang-undang yang disebabkan oleh hasil karya tersebut.



PENYERTAAN TERMA & SYARAT

H. PINDAAN TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Pihak penganjur berhak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini pada bila-bila masa, sekiranya difikirkan patut dan perlu.
2. Syarat-syarat pertandingan yang telah dipinda akan dimaklumkan melalui portal pertandingan iaitu di laman sesawang www.dakwahdigitalkdb.com.

I. MAKLUMAT LANJUT

- Untuk sebarang maklumat lanjut atau pertanyaan, peserta boleh berhubung terus dengan pihak urus setia seperti di bawah:

Bahagian Advokasi dan Jangkauan
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCMC Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

En. Alif Jamil
Emel: alif.jamil@cmc.gov.my
No. Tel: 03-8688 8057

Bahagian Dakwah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 7, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya

Pn. Nazirah Abu Bakar
Emel: nazirah@islam.gov.my
No. Tel: 03-8886 4286



PENILAIAN

RANGKA MASA PELAKSANAAN SESI PENILAIAN

PERKARA	PERTANDINGAN POSTER					
	P1	P2	P3	P4	P5	P6
Tarikh buka	1 Sept	16 Sept	1 Okt	16 Okt	31 Okt	15 Nov
Tarikh Tutup	15 Sept	30 Sept	15 Okt	30 Okt	14 Nov	29 Nov
Saringan	19-21 Sept	4-7 Okt	17-19 Okt	1-3 Nov	15-17 Nov	30 Nov – 2 Dis
Penilaian Panel	22 Sept	10 Okt	20 Okt	4 Nov	18 Nov	5 Dis
Pengesahan keputusan	23 Sept	11 Okt	24 Okt	7 Nov	21 Nov	6 Dis
Pengistiharan Pemenang	26 Sept	12 Okt	25 Okt	8 Nov	22 Nov	11 Dis



HADIAH & MEKANISME PENYERAHAN

- **Hadiah Kategori Umum Setiap 2 Minggu:**

Pertama	: RM500.00
Kedua	: RM300.00
Ketiga	: RM200.00

- **Hadiah Kategori Pelajar Setiap 2 Minggu:**

Pertama	: RM300.00
Kedua	: RM200.00
Ketiga	: RM100.00

- **Hadiah Utama Keseluruhan: RM5000.00**

- **Hadiah Kategori Khas:**

Kategori Pelajar Sekolah	: RM1000.00
Kategori Komuniti PI1M	: RM1000.00

Penyampaian hadiah peringkat sesi (2 minggu) akan dilaksanakan oleh Pejabat JAKIM cawangan negeri bersama-sama Pejabat Wilayah MCMC. Acara penyerahan hadiah dan poster pemenang akan dihebahkan di saluran-saluran promosi.

Penyampaian hadiah keseluruhan peringkat akhir akan melibatkan penganjuran acara khas. (Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan)

TERIMA
KASIH

